

BAB 1

ISLAM DALAM KEHIDUPAN POLITIK DI TURKI

1.1 Pendahuluan

Peradaban sesuatu bangsa banyak dipengaruhi oleh persekitaran budaya dan amalan kehidupan yang merangkumi aspek kepercayaan, politik, ekonomi, sosial, seni dan pemikiran, sains, teknologi, perundangan dan peraturan hidup yang tinggi nilainya. Islam sebagai cara hidup yang unggul turut memainkan peranannya yang penting dalam meningkatkan peradaban bangsa Turki bersama bangsa-bangsa lain, sebagai komuniti ummah yang disatukan oleh kesatuan aqidah yang berpusat kepada ketaatan politik yang tunggal iaitu kepada keesaanNya. Aqidah Islam yang syumul turut menerbitkan keunikan politik dan sosial sebagai satu sistem yang mengatur kehidupan masyarakatnya dengan lebih tersusun, di samping tanggungjawab melaksanakan amanah sebagai khalifah Allah s.w.t di muka bumi.

1.2 Politik Zaman Awal Peradaban Turki

Bangsa Turki bermula dengan kehidupan persekitaran sebagai masyarakat nomad Oguz dari rumpun bangsa Ural Altaik di Utara Asia Tengah yang berhijrah ke selatan dan barat menuju Eropah Timur, Timur Tengah dan Asia Tengah, lebih dari dua ribu tahun sebelum Masihi. Mereka dikenali sebagai bangsa Turko atau Turki di kawasan tanah jajahan yang ditakluki.¹ Sementara itu, Kemal Ataturk, iaitu Bapa Pemodenan Turki pula telah menisbahkan asal-usul masyarakat Anatolia Turki kepada bangsa Hitti. Akan tetapi,

¹ Stanford Shaw, *History of The Ottoman Empire and Modern Turkey*, Vol. I (Cambridge: Cambridge University Press, 1976) hlm. 1-2; Pauline Lim Meng Juak, "The Building of A Modern Turkish Civilization: A Study of Kemal Ataturk's Vision and Approach to Nation-Building", (Tesis Sarjana (Pengajian Peradaban), Universiti Malaya, 2001), hlm. 13.

menurut Bernard Lewis, ketepatan fakta tersebut perlukah diambilkira, di sebalik kecenderungan elemen politik pemimpin tersebut dengan tujuan menyemai kesedaran masyarakat terhadap identiti kebangsaan.² Sebelum pembentukan republik, Turki berada di bawah pemerintahan enam belas buah empayar dan kerajaan,³ termasuk dua empayar besar yang terkenal iaitu, Seljuk dan Uthmaniyah.⁴ Sebelum itu, sekitar 552-744 Masihi, Empayar Gokturk dibangunkan dan dipercayai merupakan institusi pemerintahan politik Turki pertama yang didirikan sekitar Laut Hitam sehingga merentasi utara sempadan Mongolia dan China. Walaupun begitu, kuasa politik Empayar Gokturk ini masih terletak di tangan ketua puak di dalam dinasti, berbanding monopoli politik oleh bangsa Han sebelumnya. Kerajaan ini juga tidak memiliki pusat pemerintahan, sempadan, institusi pentadbiran dan perundangan yang jelas, melainkan dominasi kepimpinan ketua suku atau puak.⁵

Kehadiran Islam dalam masyarakat yang berpuak ini, seawal abad ke-7⁶ melalui aktiviti pendakwah daripada Iran dan Iraq,⁷ pembukaan wilayah dan perdagangan, sedikit sebanyak merubah kehidupan dan kepercayaan masyarakatnya, di samping terdedah dengan kepercayaan agama lain seperti Syamanisme, Kristian, Buddha, Zoroasterisme dan lain-lain. Kebijaksanaan pendakwah Islam telah mencerna identiti budaya, bahasa dan amalan sehari-hari masyarakat tempatan yang unik dengan tahap pencapaian

² Bernard Lewis, *The Emergence of Modern Turkey*, (London: Oxford University Press, 1961) hlm. 3-4.

³ Tiga buah kerajaan daripadanya dikuasai oleh bangsa Han dikenali sebagai Empayar Besar Han 204M-216M, Empayar Barat Han 48M-216M, Empayar Eropah Han 375M-454M, dan Empayar Han Putih 420M-552M, Empayar Gokturk 552M-743M, Empayar Avar 562M-796M, Empayar Hazar 602M-1016M, Kerajaan Uygur 740M-1335M, Kerajaan Karahan 932M-1212M, Empayar Besar Seljuk 1040M-1157M, Hazemshah 1077M-1231M, Empayar Emas Horde 1224M-1502M, Empayar Timur 1369M-1501M, Empayar Babur 1526M-1858M, Empayar Turki Uthmaniyah 1289M-1922M.

⁴ Necdet Evliyagil, *Turkey 50th Anniversary of The Republic*, (Ankara: Ajans-Turk Publishing, 1973) hlm. 1-3.

⁵ Stanford Shaw, *History of The Ottoman Empire and Modern Turkey*, Vol. I, hlm. 2-3.

⁶ Menurut Mehmet Maksudoglu tentera Islam Khalifah Umalyah (661-750M) pimpinan Sufyan ibn 'Awf telah sampai ke Anatolia dalam misi menawan Costantinople. Pemimpin puak Salur, Chanak Han yang hidup sezaman dengan Rasulullah s.a.w dikatakan menerima Islam. Lihat Mehmet Maksudoglu, *Ottoman History 1289-1922*, (Gombak: Pusat Penyelidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 1999) hlm. 3-5.

⁷ Pauline Lim Meng Juak, "The Building of a Modern Turkish Civilization", hlm. 13.

peradabannya yang tinggi, hasil difusi budaya Islam dalam masyarakat. Keadaan ini turut memberi kesan terhadap politik Islam dalam pemerintahan kerajaan. Menurut Mehmet Maksudoglu, kerajaan bangsa Turki Islam pertama, iaitu Daulah Qarakhani (840-1212M), telah didirikan di Afghanistan dan sebahagian Turkistan. Manakala pemimpinnya yang terkenal, Satuq Bughra Khan (Abdul Karim) mangkat pada tahun 959M. Tentera Islam Turki juga turut memainkan peranan yang penting dalam penyebaran Islam ke India dan menghantar beberapa ekspedisi jihad atau *ghazawat* sekitar 963-1186M.⁸ Rentetan daripada peluasan pengaruh Turki di selatan, Kerajaan Seljuk telah didirikan di bawah kepimpinan Tughrul Beg, apabila beliau mendapat pengiktirafan daripada khalifah kerajaan Islam Abbasiyah di Baghdad, pada tahun 1055 Masihi.⁹

Empayar Seljuk telah memperlihatkan pengaruh Islam dalam pemerintahan. Pemerintah kerajaan yang digelar sebagai Sultan merupakan simbol autoriti bagi politik pemerintahan, pentadbiran, perundangan dan keagungan pasukan tentera yang diwarisi daripada tradisi pentadbiran Islam ketika zaman Abbasiyah.¹⁰ Baginda juga didaulatkan sebagai kuasa tertinggi agama yang menaungi segala aktiviti keagamaan khususnya Islam. Beberapa dasar yang berlandaskan kepada perlaksanaan syariah telah dikuatkuasakan. Keadaan ini meletakkan Islam sebagai perundangan tertinggi negara. Sistem percuakaian dan pembahagian harta rampasan perang dilaksanakan,¹¹ manakala sistem pendidikan dibuka dan berpusat di masjid-masjid, sekolah-sekolah agama tinggi atau madrasah. Gerakan sufi yang menyemarakkan tradisi dan kerohanian Islam mula mendapat perhatian masyarakat sehingga tersebar ke seluruh pelusuk empayar.¹² Hospital

⁸ Mehmet Maksudoglu, *Ottoman History 1289-1922*, hlm. 5.

⁹ Norman Itzkowitz, *Ottoman Empire and Islamic Tradition*, (New York: Alfred A. Knopf, 1972) hlm. 5.

¹⁰ Stanford Shaw, *History of The Ottoman Empire and Modern Turkey*, Vol. I, hlm. 5.

¹¹ Norman Itzkowitz, *Ottoman Empire and Islamic Tradition*, hlm. 5-6.

¹² Antara pemimpin sufi Islam terkenal adalah Jalal al-Din al-Rumi. Beliau bukan sahaja dikenali sebagai ahli sufi, bahkan seorang penyair dan ulama. Gerakan sufi pimpinan beliau turut mendapat sambutan di Parsi dan negara-negara Arab. Lihat Desmond Stewart, *Turkey*, (Nederland: Time-Life International, 1966) hlm. 42; Stanford Shaw, *History of The Ottoman Empire and Modern Turkey*, Vol. I, hlm. 5.

dan universiti pertama juga ditubuhkan dengan kemudahan rawatan secara percuma kepada golongan miskin dan anak yatim.¹³ Pasukan tentera atau *ghazi*¹⁴ yang menjadi elemen penting keagungan kerajaan mendapat kedudukan istimewa dalam negara dengan imbuhan *ikta*¹⁵ atas bakti yang dicurahkan kepada Sultan.¹⁶

Empayar Seljuk di Anatolia mencapai kemuncak keagungannya di bawah pemerintahan Sultan Alaeddin Keykubat 1219M-1236M, apabila wilayah Turki berjaya disatukan. Baginda menggalakkan toleransi pelbagai agama, khususnya di antara pengikut Kristian dan Islam dan mereka dialu-alukan menyertai pasukan tentera.¹⁷ Sultan juga menggalakkan segala bentuk kegiatan kesenian seperti pertukangan, seni kaligrafi dan seni lukisan plan. Rumah tumpangan atau *caravansari* didirikan di jalan raya utama. Jaringan komunikasi melalui aktiviti perdagangan menjadikan Anatolia sebagai pusat perdagangan utama dari Asia ke China.¹⁸

Walaupun Empayar Islam Seljuk hanya menyaksikan fasa awal pembentukan kehidupan politik Islam di Turki, namun ia turut mencatat kecemerlangan perluasan pengaruh dan wilayah Islam dari Iran dan Iraq sehingga berjaya menguasai Byzantine Anatolia dan mendirikan pusatnya di Isfahan, berikutan kekalahan tentera Byzantine Rom di tangan tentera Seljuk pimpinan Sultan Alp Arslan¹⁹ dalam perang Manzikert pada

¹³ Necdet Evliyagil, "History: The Seljuks" dalam *Turkey 50th Anniversary of The Republic*, hlm. 2

¹⁴ *Ghazi* dalam bahasa Turki bermaksud pahlawan, pejuang atau tentera. *Ghazi* dalam konteks Islam dari kaca mata Serif Mardin, adalah konsep bagi pejuang agama samada dalam bentuk dalaman atau luaran, manakala dalam konteks budaya Turki ia ditujukan kepada pejuang agama yang patuh kepada kedaulatan Empayar Uthmaniyyah. Serif Mardin, *Religion and Social Change in Modern Turkey: The Case of Bediuzzaman Said Nursi*, (New York: University State of New York Press, 1989) hlm. 3-4.

¹⁵ *Ikta* mula ditubuhkan di Iran oleh bangsa Buyid, bermaksud kutipan cukai dan kini ia merupakan unit asas dalam pentadbiran sesebuah kerajaan.

¹⁶ Stanford Shaw, *History of The Ottoman Empire and Modern Turkey*, hlm. 5.

¹⁷ Desmond Stewart, *Turkey*, hlm. 42.

¹⁸ Necdet Evliyagil, "History: The Seljuks" dalam *Turkey 50th Anniversary of The Republic*, hlm. 1.

¹⁹ Ibid., hlm. 2.

tahun 1071.²⁰ Empayar Seljuk Rom kemudiannya diasaskan di bawah kepimpinan Suleiman, yang meliputi timur dan tengah Anatolia yang berpusat di Konya.²¹

Kemusnahan Empayar Turki Seljuk dalam tahun 1242M, akibat penaklukan Mongol dari tanah besar China²² merupakan detik awal kejatuhan kerajaan Islam, sebelum kemusnahan kerajaan Abbasiyah 1258M dan Syria akibat serangan penakluk yang sama. Namun ini bukanlah faktor utama kejatuhan kerajaan Islam kerana babit-babit kehancuran telah ditandai oleh kelunturan moral pemimpin, perebutan kuasa dan pentadbiran anarki oleh keluarga pemerintah. Walaupun begitu, pada penghujung abad ke-13, masyarakat Islam Turki kembali memartabatkan Islam dan budayanya apabila Kerajaan Turki Uthmaniyah ditegakkan.

1.3 Kerajaan Uthmaniyah

Islam semakin bertapak kukuh dalam pemerintahan dan kehidupan masyarakat Turki semasa zaman Empayar Uthmaniyah. Malah empayar agung ini disifatkan sebagai unik di atas kemampuannya bertahan selama lebih daripada 600 tahun. Undang-undang syariah dan pemerintahan Islam mendapat tempat tertinggi dan dikuatkuasa sepenuhnya dalam kerajaan.

Kerajaan Uthmaniyah²³ diasaskan oleh Ertugrul Beg, dari suku kaum Kayi, Oguz Turki. Anak beliau, Osman 1289-1326 M., kemudian ditabalkan sebagai khalifah bagi

²⁰ Stanford Shaw, *History of The Ottoman Empire and Modern Turkey*, Vol. I, hlm. 7.

²¹ Feroz Ahmad, *The Making of Modern Turkey*, (London: Routledge, 1993) hlm. 16.

²² Stanford Shaw, *History of The Ottoman Empire and Modern Turkey*, Vol. I, hlm. 8.

²³ Istilah Daulah atau Kerajaan (Devlet) merupakan konsep yang paling tepat menurut Mehmet Maksudoglu, bagi menggambarkan keadaan soslo-politik kerajaan Uthmaniyah, berbanding konsep Empayar yang lebih merujuk kepada jajahan fizikal yang bersifat penguasa atau penakluk, sebagaimana digambarkan oleh kebanyakan sarjana Barat. Lihat Mehmet Maksudoglu, "The Ottoman Socio-Political Entity: Empire or Devlet?", *Hamard Islamicus*, Vol. 18, No. 2, 1995, hlm. 41-54.

kerajaan Islam, setelah kematian Ertugrul. Bursa telah dijadikan ibu negeri bagi kerajaan, diikuti Edirne, setelah selatan Balkan dikuasai oleh tentera Islam.²⁴ Selama pemerintahan hampir tiga puluh lapan orang khalifah, Islam telah didaulatkan sebagai tunjang perlombagaan dan pentadbiran yang merangkumi aspek perundangan, ketenteraan dan pertahanan, kebijakan sosial, pendidikan dan ekonomi. Peranan khalifah turut menjadi faktor terpenting sebagai simbol kekuatan dan kesatuan Islam di wilayah penguasaannya. Seperti juga kerajaan Seljuk, khalifah menjadi penaung yang memutuskan segala urusan pentadbiran, perundangan dan keagamaan, malah yang lebih penting tanggungjawab seorang khalifah sebagai seorang pemimpin yang diutuskan oleh Tuhan dan pelindung agama.²⁵ Sementara itu, jawatan Wazir atau dipanggil *Sadrazam* ditubuhkan sebagai pembantu kepada Khalifah dalam urusan pemerintahan untuk memelihara keamanan dan kesejahteraan rakyat dan negara.²⁶ Sebagai anggota Majlis atau *Diwan*, beliau dipertanggungjawabkan mengendalikan mesyuarat bersama ahli jawatankuasa lain sebelum sebarang keputusan dikemukakan kepada Sultan.²⁷ Manakala ahli jawatankuasa Majlis terdiri daripada Biro Pentadbiran Kewangan dan Biro Pentadbiran yang disertai oleh wazir, kadi-kadi dan pentadbir di wilayah-wilayah sebagai wakil kepada organisasi pentadbiran kerajaan, ketenteraan dan institusi keagamaan.²⁸

Golongan ulama mendapat tempat dalam pemerintahan kerajaan. Selain menjadi pakar rujuk dalam hal ehwal agama, perundangan dan pendidikan, mereka juga diberi penghormatan sebagai penasihat kerajaan dan pentadbir, penasihat dalam perkhidmatan kemasyarakatan dan ketenteraan. Beberapa jawatan penting dikhususkan untuk mereka seperti Qadi, Mufti atau Syekh al-Islam. Qadi bukan sahaja dipertanggungjawabkan untuk

²⁴ Fadhlullah Jamil, *Islam Di Asia Barat Moden: Sejarah Penjajahan & Pergolakan*, (Selangor: Thinker's Library Sdn Bhd, 2000) hlm. 123.

²⁵ John L. Esposito, *Islam and Politics*, (New York: Syracuse University Press, 1984) hlm 24.

²⁶ Niyazi Berkes, *The Development of Secularism in Turkey*, (Montreal: McGill University Press, 1964), hlm. 10-11.

²⁷ Norman Itzkowitz, *Ottoman Empire and Islamic Tradition*, hlm. 54-55.

²⁸ Ibid., hlm. 55.

mengendalikan urusan perundangan dan kuasa eksekutif di setiap bandar atau *kaza*, bahkan boleh juga dilantik mengetuai pasukan tentera.²⁹ Syariah sebagai undang-undang rasmi kerajaan, menempatkan mahkamahnya bagi mengendalikan permasalahan masyarakat dan status individu berkaitan nikah kahwin, penceraian, pembahagian harta pusaka dan zakat.³⁰ Institusi zakat dan kharaj³¹ ditubuhkan bagi menjamin keadilan sosial di samping menjaga kebajikan golongan miskin dan mereka yang kurang berkemampuan.

Peranan yang dimainkan oleh ulama membolehkan institusi pendidikan Islam berkembang dengan bertambahnya pembinaan madrasah dan masjid yang menjadi pusat utama penyebaran risalah Islam. Penyelenggaraan dan pengendalian madrasah dan universiti dibiayai oleh pihak pemerintah.³² Bahasa Arab dijadikan bahasa utama pentadbiran dan pendidikan Islam selama lebih dari lima abad. Kalender Islam Hijrah digunakan secara rasmi, manakala tulisan Arab diadaptasi ke bahasa Turki.³³ Perhatian dari pemerintah terhadap pembangunan Islam membolehkan ajaran agama tersebut disebarluas di kalangan masyarakat. Insentif dan imbuhan turut diberikan kepada penghafaz al-Quran dan ulama.³⁴ Sementara itu, pelbagai pertubuhan sosial di kalangan belia, wanita, dan golongan sufi ditubuhkan sekitar abad ke-14³⁵ dalam usaha untuk merapatkan ukhuwwah Islamiyah. Dalam bidang ekonomi, Kerajaan Uthmaniyyah juga memiliki matawangnya sendiri yang diberi nama *sikke*³⁶ atau matawang perak *akce*.³⁷

²⁹ Mehmet Maksudoglu, *Ottoman History 1289-1922*, hlm. 43.

³⁰ John L. Esposito, *Islam and Politics*, hlm 24.

³¹ Kharaj adalah cukai yang dikenakan ke atas penduduk bukan Islam yang mendapat perlindungan di negara Islam.

³² Niyazi Berkes, *The Development of Secularism in Turkey*, hlm. 15.

³³ Mehmet Maksudoglu, *Ottoman History 1289-1922*, hlm. 244.

³⁴ Ibid., hlm. 27.

³⁵ Antaranya *Akhlyan-i Rum* ialah Pertubuhan Belia di Anatolia, *Bajlyan-i Rum* (Pertubuhan Wanita Anatolia, *Abdalân-i Rum*, sebuah pertubuhan sufi, dan *Gazlyan-i Rum*, pertubuhan pejuang Jihad Islam Anatolia. Mehmet Maksudoglu, *Ottoman History 1289-1922*, hlm. 13-14.

³⁶ Feroz Ahmad, *The Making of Modern Turkey*, hlm. 17.

³⁷ Bernard Lewis, *The Emergence of Modern Turkey*, hlm. 28.

Pasukan tentera yang menjadi nadi dalam kerajaan sentiasa disuntik dengan semangat jihad yang tinggi serta dipandang mulia di sisi masyarakat dan Islam. Ketinggian akhlak dan peribadi disemai di kalangan pejuang yang juga merangkap sebagai pendakwah kepada ajaran Islam. Keadaan ini secara tidak langsung menyangkal kenyataan yang mengatakan bahawa Islam tersebar dengan mata pedang. Sikap toleransi dan budi pekerti ini dibuktikan oleh tentera Islam yang dipimpin oleh Sultan Mehemed II Fatih (1451-1481M) ketika pembukaan kota Constantinople atau Istanbul pada 19 Mei 1453.³⁸

Keunikan Kerajaan Uthmaniyah yang menaungi masyarakat pelbagai bangsa, agama dan warna kulit memperlihatkan peranan Islam sebagai agama universal merangkap naungan politik yang mampu memberi kesejahteraan dan keadilan sosial kepada semua. Malah, kerajaan Uthmaniyah juga turut mengiktiraf penglibatan masyarakat bukan Islam seperti penganut Kristian berbangsa Greek, Armenia, dan Yahudi di atas peranan yang dimainkan dalam pembangunan ekonomi dan pentadbiran.³⁹ Mereka mendapat kedudukan dalam negara melalui Sistem *Millet* yang memberi hak autonomi kepada pemimpin beragama.⁴⁰ Sikap toleransi Islam telah memberi kebebasan hak kepada warga bukan Islam untuk menyertai kerajaan dan mengamalkan ajaran yang mereka anuti tanpa sebarang sekatan dan tekanan.⁴¹ Sementara itu masyarakat Islam Turki pula tidak meletakkan bangsa mereka atas nama identiti kebangsaan, bahkan lebih memperkenalkan diri mereka sebagai seorang penganut yang meletakkan ketaatan kepada Islam, khalifah dan juga kerajaan.⁴²

³⁸ Mehmet Maksudoglu, *Ottoman History 1289-1922*, hlm. 72-75.

³⁹ Feroz Ahmad, *The Making of Modern Turkey*, hlm. 21.

⁴⁰ Niyazi Berkes, *The Development of Secularism in Turkey*, hlm. 15; Mehmet Maksudoglu, "The Ottoman Socio-Political Entity: Empire or Devlet?", hlm. 48.

⁴¹ Mehmet Maksudoglu, "The Ottoman Socio-Political Entity: Empire or Devlet?", hlm. 49.

⁴² Bernard Lewis, *The Emergence of Modern Turkey*, hlm. 2 dan 13.

Namun, di sebalik keagungan empayar besar Turki Uthmaniyyah yang meliputi keluasan sebahagian besar Asia, Eropah dan Afrika, ia turut mengalami perubahan besar semasa era Tanzimat. Pada peringkat awal, pembaharuan atau reformasi dimulakan oleh Sultan Selim III dalam bidang ketenteraan dengan membentuk Pasukan Baru *Nizam-I Cedid* yang diimport daripada teknologi dan latihan ketenteraan Perancis.⁴³ Kemudian, agenda pembaharuan ini telah diteruskan oleh Sultan Abdul Majid (1839-1861) dalam aspek pentadbiran, pendidikan dan perundangan. Hasil daripada penyusunan semula pentadbiran pusat, beberapa kementerian dibentuk antaranya Kementerian Kerjaya (1839), Kementerian Pelajaran (1857) dan Kementerian Polis (1870). Manakala Majlis Tanzimat dibentuk menggantikan Majlis Diraja yang ditubuhkan oleh S. Mahmud II dengan melantik keahliannya daripada golongan yang berpendidikan barat sahaja.⁴⁴ Kesan daripada perubahan ini, saranan dibuat agar aliran akademik dipisahkan daripada pengawasan golongan ulama. Sementara itu, kurikulum ala-barat, sekolah-sekolah profesional awam dan tentera diberi keutamaan.⁴⁵ Akibatnya, pendidikan Islam dan pengaruh ulama dalam sistem pendidikan kian terpinggir.

Rombakan juga dilakukan terhadap sistem perundangan yang menerima pakai undang-undang Perancis dalam perkara yang menyentuh persoalan jenayah, tanah, perniagaan dan pelayaran, yang selama ini tertakluk pada undang-undang Syarak. Mahkamah campuran yang mengendalikan kes sivil dan jenayah dibentuk pada tahun 1847 dan para hakimnya dilantik daripada kalangan bangsa Eropah dan masyarakat Islam tempatan. Peranan ulama terus dipinggirkan apabila mahkamah campuran ini turut menggabungkan kes yang melibatkan perdagangan. Perubahan yang drastik turut melanda bidang-bidang lain seperti kesusasteraan, ekonomi, perhubungan dan telekomunikasi serta

⁴³ Desmond Stewart, *Turkey*, hlm. 57.

⁴⁴ Fadhlullah Jamil, *Islam Di Asia Barat Modern*, hlm. 128.

⁴⁵ Ibid., hlm. 128-129.

ketenteraan yang melemahkan lagi institusi agama dan tradisional.⁴⁶ Perubahan yang berlaku ini tidak disenangi oleh ulama dan golongan Janisari.⁴⁷

Era Sultan Abdul Hamid II (1876-1909) memperlihatkan beberapa perubahan modenisasi dalam pendidikan, undang-undang dan pentadbiran. Sekolah rendah dan menengah ditambah dengan pendedahan terhadap bidang kewangan, undang-undang, kejuruteraan sivil, pertahanan dan sebagainya. Manakala kurikulum pendidikan digubal daripada bahasa Perancis kepada sistem yang berorientasikan tempatan. Baginda turut membina masjid-masjid, istana, jalan raya, pembinaan landasan keretapi yang menghubungkan Damsyik-Madinah dan menukuhkan rangkaian komunikasi telegraf. Beliau menggalakkan penerbitan buku-buku agama dan surat khabar sebagai simbol kebebasan beragama dan bersuara kepada rakyat.⁴⁸ Dasar-dasar yang dilakukan juga turut mengangkat imej beliau sebagai pembela Islam selari dengan dasar Pan-Islamisme⁴⁹ yang disarankan oleh beliau. Walaupun begitu, dasar yang diambil oleh beliau mendapat reaksi berbeza segelintir kumpulan yang dikenali sebagai Gerakan Turki Muda. Kemuncak proses modenisasi era Tanzimat dicapai apabila Perlembagaan Uthmaniyyah diisytiharkan pada 23 Disember 1876 dan Midhat Pasha dilantik sebagai Wazir Agung. Keadaan ini disusuli dengan perlaksanaan pilihanraya dan persidangan parlimen menjelang Mac 1877.⁵⁰

Walau apapun berlaku, harus disedari bahawa tujuan asal pembaharuan Tanzimat ini adalah murni, iaitu tindakan proaktif membangunkan negara Islam yang kian terancam

⁴⁶ Fadhlullah Jamil, *Islam Di Asia Barat Moden*, hlm. 131-134.

⁴⁷ Janisari merupakan golongan hamba Kristian bangsa kulit putih yang dilislamkan. Mereka juga diserapkan dalam angkatan tentera yang dibentuk khas oleh Sultan Uthmaniyyah sejak abad ke-14M.

⁴⁸ Fadhlullah Jamil, *Islam Di Asia Barat Moden*, hlm. 146.

⁴⁹ Pan-Islamisme adalah gagasan yang diperjuangkan untuk menyeru kesatuan umat Islam dibawah satu naungan politik bagi menentang penjajahan kuasa Barat.

⁵⁰ Necdet Evliyagil, "History: The Ottoman Empire 1299-1923" dalam *Turkey 50th Anniversary of The Republic*, hlm. 2.

oleh perluasan dan campurtangan kuasa Barat. Selain itu, perlaksanaannya merupakan satu usaha untuk menyatupadukan ikatan perpaduan umat Islam melalui satu naungan politik yang kukuh. Walau bagaimanapun, keghairahan pemimpin-pemimpin negara dalam melaksanakan pembaharuan ini, telah mengundang pelbagai permasalahan yang membawa kerajaan Uthmaniyah ini ke era konflik yang berterusan. Situasi ini mengheret zaman kehancurannya apabila konsep sebenar pembangunan disalahertikan.

1.4 Gerakan Turki Muda

Penentangan politik daripada golongan pendesak muda di kalangan masyarakat Islam yang lebih dikenali sebagai Turki Muda telah muncul ketika Kerajaan Uthmaniyah dilanda keruncingan ekonomi.⁵¹ Gerakan ini mengkritik keras kerajaan Uthmaniyah apabila tindakan unilateral Sultan telah membuka laluan perdagangan kepada negara Barat melalui polisi perdagangan bebasnya. Dasar terbuka ini telah mengheret Empayar Turki Uthmaniyah dalam situasi politik dan ekonomi yang tidak menentu akibat campurtangan dan penguasaan Barat terhadap sektor ekonomi menjelang tahun 1881.⁵² Kegagalan perundingan yang diadakan oleh Turki Muda, setelah mengambil alih kuasa pemerintahan, dengan kuasa besar Barat bagi memansuhkan perjanjian pengambilalihan perdagangan sedia ada, menjelaskan lagi hasrat kuasa asing tersebut untuk mengeksplorasi ekonomi Turki.⁵³

⁵¹ Menurut Desmond Stewart, gerakan Turki Muda dianggotai oleh sekurang-kurangnya 4 kategori pejuang iaitu, kumpulan liberal kelas atasan yang menuntut kesaksamaan hak sebagai warga kerajaan Uthmaniyah di bawah satu perlombagaan atau kelompok "Uthmanisme"; kumpulan idealis Pan-Islamisme yang menyeru kesatuan akidah dan perpaduan umat Islam di bawah satu naungan pemerintahan; kumpulan yang memperjuangkan kesatuan Turkinisasi dalam satu negara bangsa dan gerakan nasionalisme Turki atau Turkinisme. Manakala Feroz Ahmad mengkategorikan mereka kepada dua kelompok iaitu kumpulan liberal Uthmanisme dan kumpulan perpaduan daripada anggota Kesatuan Perpaduan dan Kemajuan (CUP). Desmond Stewart, *Turkey*, hlm. 59; Feroz Ahmad, *The Making of Modern Turkey*, hlm. 21.

⁵² Feroz Ahmad, "Ottoman Perceptions of the Capitulations 1800-1914", *Journal of Islamic Studies*, Vol. 11, No. 1, Januari, 2000, hlm. 9-12.

⁵³ Ibid., hlm. 16-17.

Desakan juga dilakukan agar sultan melaksanakan sistem berparlimen yang didakwa lebih demokratik dan menjamin keadilan sosial serta kebebasan hak individu dalam negara. Gerakan Turki Muda yang memiliki cawangannya di Salonika, Istanbul, Damsyik, Mesir, wilayah Balkan, Paris dan kota-kota besar Eropah telah terpengaruh dengan idea hak kebebasan yang menjadi pencetus semangat nasionalisme di Perancis dan negara Barat. Gerakan ini bertindak membentuk Jawatankuasa Kebebasan Uthmaniyyah atau kemudiannya dikenali sebagai *Committee for Union and Progress* (C.U.P)⁵⁴ secara sulit bagi menjatuhkan kepimpinan Sultan Abdul Hamid dan memulihkan sistem parlimen berpelembagaan 1876. Sementara kumpulan liberal pro-Uthmaniyyah mula meminggirkan diri mereka dari gerakan CUP dan menu buhkan parti yang diberi nama Parti Kebebasan Uthmaniyyah atau *Osmanli Ahrar Firkasi*.⁵⁵ Kumpulan konservatif Islam yang terdiri daripada ulama, pentadbir, tentera dan masyarakat tempatan bergerak secara tidak rasmi dengan menamakan kesatuan mereka sebagai Kesatuan Muhammadi. Gerakan ini lantang menyuarakan kritikan mereka terhadap agenda sekularisme melalui akhbar *Volkan*, sebagai lidah rasmi pergerakan tersebut.⁵⁶

Kemenangan besar CUP dalam merebut kerusi Parlimen, menguatkan lagi polisi sekularisme dalam pertadbiran negara.⁵⁷ Lebih malang lagi, setelah kuasa diperolehi pada 23 Julai 1908,⁵⁸ kumpulan elit CUP ini dilihat cuba menindas kumpulan penentang yang terdiri daripada golongan liberal dan pro-Islam yang tidak menyenangi dasar kuku besi

⁵⁴ Kepimpinan baru Turki Muda terdiri daripada pegawai tentera terlatih dan sekumpulan pelajar yang mendapat pendidikan akademi cara Barat. Pergerakan ini ditubuhkan sekitar tahun 1889, dan dipelopori oleh Namik Kamal, Ziya Pasya, Ibrahim Shinasi dengan menggunakan nama rasminya *Ittihad ve Terekki Cemiyeti* atau Kesatuan Perpaduan dan Kemajuan (CUP) dan slogan "Equality, Fraternity, Liberty, and Justice". Lihat Fadhlullah Jamil, *Islam Di Asia Barat Moden*, hlm. 151.

⁵⁵ Mehmet Yasar Geyikdagı, *Political Parties In Turkey*, (New York: Praeger Publishers, 1984) hlm. 23.

⁵⁶ Bernard Lewis, *The Emergence of Modern Turkey*, hlm. 211; Mehmet Yasar Geyikdagı, *Political Parties In Turkey*, hlm. 25.

⁵⁷ Kumpulan kesatuan (CUP) memperolehi 287 kerusi, sebaliknya Kesatuan Kebebasan hanya mampu mendapat satu kerusi. Pembahagian kerusi berdasarkan kumpulan etnik mencatatkan Turki 147 kerusi, Arab 60 kerusi, 27 kerusi bagi Albania, 26 kerusi bagi penduduk Greek, 14 kerusi bagi Armenia, 10 kerusi bagi bangsa Slav dan Yahudi 4 kerusi. Stanford J. Shaw dan Ezel Kural Shaw, *History of The Ottoman Empire and Modern Turkey*, Vol. II, (New York: Cambridge University Press, 1977), hlm. 278.

⁵⁸ Feroz Ahmad, *The Making of Modern Turkey*, hlm. 31.

bercampur keislaman regim CUP tersebut.⁵⁹ Institusi Khalifah umpama boneka dan kuda tunggangan kepada regim CUP.⁶⁰

Percaturan kurang tepat pemimpin utama Turki Muda diketuai oleh Talat Bey, Enver Pasya dan Kolonel Jamal Pasya yang menyertai Jerman dalam Perang Dunia Pertama menentang tentera Berikat (Britain, Perancis dan Rusia) juga turut mengundang malapetaka buat Turki dan Empayar Uthmaniyyah keseluruhannya.⁶¹ Sebelum itu, semangat nasionalisme kian memuncak di wilayah-wilayah Arab, Greek, Bulgaria dan wilayah-wilayah Balkan dengan didalangi oleh hasutan kuasa Barat. Wilayah-wilayah tersebut menuntut kuasa autonomi dan kemerdekaan daripada Kerajaan Uthmaniyyah. Satu persatu negeri-negeri ini terlepas ke tangan kuasa asing, sementara CUP tidak mampu bertindak menyelamatkan keadaan. Lebih mengaibkan, kesan dari kekalahan di tangan kuasa Berikat, seluruh Empayar Uthmaniyyah termasuk di wilayah yang didiami oleh bangsa Arab, telah dibahagi-bahagikan sesama mereka melalui Perjanjian Sevres pada 10 Ogos 1920. Kesannya, Empayar Islam Uthmaniyyah yang diibaratkan umpama “*Sick Man of Europe*” kemudian dibubarkan.⁶²

Kejatuhan Empayar Uthmaniyyah merupakan detik paling pahit dalam lipatan sejarah umat Islam, setelah lebih 633 tahun memayungi hampir sebahagian besar benua Asia, Eropah dan Afrika. Namun, keadaan yang berlaku ini tidak mungkin dibiarkan begitu sahaja, setelah ia memusnahkan pemerintahan Islam, khususnya Istanbul sebagai pusat kedaulatan kerajaan Islam. Masyarakat Islam di kawasan pendalaman Anatolia

⁵⁹ Kempen anti CUP dilancarkan atau lebih dikenali dalam sejarah Turki sebagai “Insiden 31 Mac” dianggotai kumpulan agama *sofia*, yang menentang manipulasi simbol agama oleh CUP dengan menggelar diri mereka sebagai Kesatuan Umat Muhammad. Ibid., hlm. 36.

⁶⁰ Stanford J. Shaw dan Ezel Kural Shaw, *History of The Ottoman Empire and Modern Turkey*, Vol. II, hlm. 327.

⁶¹ Desmond Stewart, *Turkey*, hlm. 60.

⁶² Feroz Ahmad, *The Making of Modern Turkey*, hlm. 48.

dengan diketuai oleh Mustafa Kemal⁶³ dalam tindakan menentang gencatan senjata Mondros 1918 dan Perjanjian Sevres, telah mengumpul kekuatan bagi membebaskan bumi dan wilayah kerajaan Uthmaniyyah daripada penjajahan asing.⁶⁴ Apa yang menarik perhatian adalah beliau telah mengisyiharkan perjuangannya atas nama Islam dengan slogan ingin membebaskan bumi umat Islam daripada cengkaman kaum kafir.⁶⁵ Maka tidak hairanlah sekiranya perjuangan beliau mendapat sokongan daripada sebahagian besar umat Islam termasuk Bediuzzaman Said Nursi, iaitu seorang mujaddid Islam Turki moden dan ulama di serata tempat.⁶⁶

Perkembangan politik Turki selanjutnya telah mengangkat reputasi Kemal Ataturk sebagai *ghazi* bagi pembangunan Turki Moden apabila Turki diisyiharkan sebagai republik yang merdeka menjelang tahun 1922. Idea sekularisme mula disebarluaskan di kalangan masyarakat melalui agen pembaratan sebagai alat terpenting dalam proses pemodenan masyarakat Turki.

1.5 Kemalisme Dan Wawasan Pembangunan Turki Moden

Kemalisme merupakan prinsip perjuangan Mustafa Kemal Ataturk dalam membangunkan semula Turki selepas kejatuhan kerajaan Uthmaniyyah. Kemalisme sebagai ideologi utama

⁶³ Mustafa Kemal Ataturk dilahirkan pada tahun 1881 di Salonika, Macedonia. Gelaran "Kemal" dalam istilah Arab bermaksud sempurna diberikan oleh gurunya di atas kredibiliti beliau, manakala gelaran "Ataturk" atau "Bapa Pemodenan Turki" dianugerahkan oleh Perhimpunan Agung Kebangsaan Turki pada November 1934. Kemal telah ditanamkan dengan cara hidup tentera ala-Barat sejak berusia dua belas tahun. Semangat juang dalam diri menguatkan azam beliau memasuki Sekolah Tentara di Salonika, tanpa pengetahuan ibunya, Zubeyde Hanım, iaitu seorang wanita Islam yang taat. Didikan disiplin ketenteraan di Akademi Tentara İstanbul mencambah minat Kemal dalam politik dan sastera patriotik sehingga mendorong beliau menyertai Turki Muda (CUP) dalam misi mengembalikan sistem berparlimen di Turki. Pada tahun 1920, Kemal mempengerusikan Perhimpunan Agung Pertama yang menggugurkan hak pemerintahan kepada Sultan sebagai pemerintah kerajaan Uthmaniyyah dan pengishtiharan Republik Turki yang merdeka. Lihat Andrew Mango, *Ataturk*, (London: John Murray Ltd., 1999) hlm. 11- 40.

⁶⁴ Peranan Mustafa Kemal sebagai seorang anggota CUP yang bebas dari pengaruh politik mengangkat reputasi beliau setelah CUP melalui zaman malap selepas Perang Dunia Pertama. Stanford J. Shaw dan Ezel Kural Shaw, *History of The Ottoman Empire and Modern Turkey*, Vol. II, hlm. 340-344.

⁶⁵ Fadhlullah Jamil, *Islam Di Asia Barat Moden*, hlm. 155.

⁶⁶ Serif Mardin, *Religion and Social Change in Modern Turkey*, hlm. 83, 94-95.

telah meletakkan enam prinsipnya yang utama iaitu republikanisme,⁶⁷ sekularisme,⁶⁸ nasionalisme,⁶⁹ revolusinisme,⁷⁰ populisme⁷¹ dan etatisme.⁷² Prinsip yang didukung ini bukan sahaja melibatkan pembangunan sosial dan politik bagi membentuk identiti kebangsaan, bahkan turut menimbulkan pelbagai isu kontroversi khususnya kedudukan Islam sebagai ad-Din dan usaha menghidupkan nilai serta norma hidup yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Islam telah dianggap sebagai punca kepada segala kemunduran dan kehinaan bangsa Turki walaupun sejarah jelas membuktikan keagungan pemerintahan Islam yang meliputi hampir dua pertiga dunia.⁷³ Tidak dapat dinafikan rasa kekecewaan Kemal terhadap kehancuran yang berlaku, samada di kalangan elit pemerintah maupun masyarakat Turki ketika itu yang berada dalam situasi yang tidak menentu, lantaran perperangan dan ancaman kuasa Barat. Akan tetapi tidaklah adil bagi beliau meletakkan kesilapan tersebut kepada Islam di atas sikap segelintir manusia yang menyalahertikan ajaran atau tidak sama sekali mengamalkannya mengikut tuntutan Islam sebenar.

Islam tidak menolak pembangunan dan pemodenan bahkan mengalu-alukannya. Tidak ada salahnya menerima apa juga pembaharuan yang didatangkan dari negara bukan Islam asalkan ia dapat dimanfaatkan demi kemajuan sains, teknologi dan pembangunan umat Islam. Selagi pembaharuan itu tidak mendatangkan kemudarat kepada umat

⁶⁷ Republikanisme lebih kepada proses menggantikan kesultanan Uthmaniyah kepada republik Turki yang meletakkan undang-undang di tangan rakyat bukannya pemerintah yang autokratik.

⁶⁸ Sekularisme dilaksanakan dalam perundangan, pendidikan dan perlembagaan Turki dengan pemisahan elemen agama daripada kehidupan politik negara.

⁶⁹ Nasionalisme sebagai asas patriotisme kebangsaan bagi masyarakat dan bangsa Turki, yang bertentangan dengan konsep pelbagai bangsa atau ummah semasa zaman Uthmaniyah.

⁷⁰ Revolusinisme sebagai proses modenisasi yang menggerakkan Turki sebagai negara yang berperadaban tinggi setanding dengan negara Barat.

⁷¹ Populisme bermaksud penguasaan mutlak oleh rakyat.

⁷² Etatisme menggambarkan usaha kerajaan Republik Turki yang pragmatik bagi menangani masalah yang tidak mampu dilaksanakan oleh sektor swasta dalam pembangunan ekonomi.

⁷³ Syafiq A. Mughni, *Sejarah Kebudayaan Islam Di Turki*, (Jakarta: Logos Wacana Ilmu, 1997) hlm. 144. Desmond Stewart, *Turkey*, hlm. 74.

Islam, khususnya yang bercanggah dengan syariat Islam, maka harus bagi umat Islam memajukan diri mereka mengikut kerangka yang ditetapkan.

1.5.1 Sekularisasi

Sekularisme berasal dari bahasa latin “*saeculum*” yang bermaksud idea atau konsep yang digunakan bagi merujuk masalah dualisme, penentangan atau pemisahan institusi agama dan negara.⁷⁴ Manakala Syed Muhammad Naquib al-Attas, merujuk istilah sekularisme sebagai masa, tempat atau lokasi yang menunjukkan keadaan dunia pada ketika ini atau zaman ini sahaja dengan tidak mengambilkira kehidupan selepas mati atau akhirat.⁷⁵ Sementara itu sekularisasi adalah proses pengasingan segala lapangan kehidupan daripada pengaruh agama.⁷⁶ Dengan itu masyarakat diberi kebebasan memilih cara hidup tersendiri jauh darikekangan agama dan tradisi. Segala aspek yang berhubung dengan nilai kerohanian diketepikan sementara penggunaan akal sebagai sumber pengetahuan diberi keutamaan.⁷⁷

Tindakan pertama dilakukan oleh Kemal sebaik sahaja pengistiharan Turki sebagai sebuah Republik ialah menghapuskan sistem Khalifah Islam secara rasmi yang menjadi lambang kesatuan politik umat Islam.⁷⁸ Walaupun sebelum itu, iaitu pada tahun 1922, beliau telah memberi jaminan bahawa kedaulatan Khalifah tetap dipelihara sebagai lambang kerohanian sekalipun tidak memiliki kuasa politik.⁷⁹ Alasan yang dikemukakan

⁷⁴ Niyazi Berkes, *The Development of Secularism in Turkey*, hlm. 5.

⁷⁵ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam and Secularism*, (Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM), 1978) hlm. 14.

⁷⁶ Ibid., hlm. 15-16.

⁷⁷ Fadhlullah Jamil, *Islam Di Asia Barat Modern*, hlm. 155.

⁷⁸ Perhimpunan Agung Kebangsaan Turki meluluskan tiga undang-undang pada 3 Mac 1924 iaitu, menghapuskan sistem Khalifah, menghapuskan Kementerian Syariah dan Awqaf dan menyatukan sistem pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan.

⁷⁹ H. A. Mukti Ali, *Islam dan Sekularisme Di Turki Modern*, (Jakarta: Penerbit Djambatan, 1994) hlm. 82-83.

kepada umum di atas pengguguran sistem khalifah adalah kerana khalifah telah mengkhianati negara apabila bersekongkol dengan kuasa asing.

Dalam keadaan Kemal berhati-hati terhadap isu yang boleh membangkitkan sensitiviti agama, beberapa siri reformasi radikal telah dilaksanakannya bagi menghapuskan sama sekali apa juga institusi yang berkaitan dengan kesultanan Islam. Ini termasuklah Kementerian Kehakiman Syariah dan Jabatan Syeikh al-Islam yang dimansuhkan manakala segala urusan pentadbiran Mahkamah Syariah digantikan dengan Badan Kehakiman Sivil Turki yang disesuaikan daripada Sistem Perundangan Sivil Swiss,⁸⁰ Undang-undang Jenayah Itali dan Undang-undang Komersial Jerman.⁸¹ Menurut pandangan Ihsan Yilmaz, undang-undang sivil ini jelas bertentangan dengan undang-undang syariah berhubung status individu lebih-lebih lagi ruang lingkup ibadah bagi seorang Muslim disempitkan hanya untuk keperluan peribadi sahaja.⁸² Undang-undang Sivil Turki memperuntukkan persamaan hak antara lelaki dan wanita dalam pewarisan harta dan perkahwinan. Poligami turut diharamkan. Manakala wanita mempunyai hak dalam penceraian.⁸³ Selain itu, setiap perkahwinan perlu didaftarkan mengikut undang-undang dan tidak lagi mengikut tradisi majlis akad.⁸⁴ Akan tetapi, peraturan ini agak tidak praktikal bagi masyarakat Islam tempatan yang masih mengamalkan tradisi perkahwinan yang dilaksanakan oleh Imam.⁸⁵

⁸⁰ Ruth A. Miller, "The Ottoman and Islamic Substratum of Turkey's Swiss Civil Code", *Journal of Islamic Studies*, Vol. 11, No. 3, September 2000, hlm. 337.

⁸¹ Ihsan Yilmaz, "Secular Law and the Emergence of Unofficial Turkish Islamic Law", *Middle East Journal*, Vol. 56, No. 1, Musim Sejuk 2002, hlm. 118.

⁸² Ibid., hlm. 119.

⁸³ Mehmet Yasar Geyikdagi, *Political Parties in Turkey*, hlm. 52.

⁸⁴ "Republik of Turkey: From 1923 to the Present", *Ministry of Foreign Affairs Republic of Turkey*, 11 Januari 2002, hlm. 1-2. <http://www.mfa.gov.tr/grupc/default.htm>.

⁸⁵ Ihsan Yilmaz, "Secular Law and the Emergence of Unofficial Turkish Islamic Law", hlm. 122; Nancy Tapper, "Changing Welding Rituals in a Turkish Town", *Turkish Studies*, Vol. 9, 1985, hlm. 305-306.

Undang-undang pendidikan negara diselaraskan bermula pada 3 Mac 1924 dengan meletakkan sistem pendidikan sekular sebagai dasar utama di semua peringkat pengajian. Serentak dengan itu, semua madrasah, sekolah agama rakyat, gerakan tarikat dan sufi dimansuhkan pada tahun berikutnya.⁸⁶ Institusi pendidikan yang menjadi salah satu agen utama sekularisme dikawal dan dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan secara percuma.⁸⁷ Reformasi pendidikan juga dilakukan dengan menubuhkan beberapa buah fakulti, sekolah vokasional, teknik, Akademi Tentera dan Maktab Latihan Perguruan di Ankara. Fakulti Bahasa dan Linguistik dan Fakulti Sejarah-Geografi dibuka di Universiti Ankara.⁸⁸ Di sinilah bermula program membentuk identiti bahasa dan menjelak kembali sejarah bangsa Turki yang dikaitkan dengan keagungan bangsa Hitte dan Hun.⁸⁹

Menurut John L. Esposito, proses sekularisasi ini kemudiannya disusuli dengan program Turkinisasi Islam.⁹⁰ Ini bermaksud sepetimana dinyatakan oleh Hans Kohn, tradisi budaya Islam cuba diterapkan mengikut rangka persekitaran budaya Turki.⁹¹ Pada 6 Februari, 1933 arahan dikeluarkan agar azan dilaungkan di dalam Bahasa Turki dan tidak lagi dalam Bahasa Arab. Seruan Allahu Akbar bertukar kepada *Tanri Uludur* dalam bahasa Turki. Khutbah dan sembahyang Jumaat turut menggunakan bahasa tempatan. Usaha menterjemah Al-Quran juga dilakukan dalam bahasa Turki yang diketuai Mehmet Akif, walaupun tindakan tersebut amat dibimbangi oleh sebahagian ahli agama terhadap masa depan generasi Muslim akan datang. Namun atas nasihat Sheikh Muhammad Rashid Rida, iaitu Presiden Universiti Al-Azhar, Mesir, usaha ini dibatalkan.⁹² Walaupun usaha ini dilakukan bertujuan memberikan kefahaman sebenar terhadap isi kandung al-

⁸⁶ Nazim Irem, "Turkish Conservative Modernism: Birth of a Nationalist Quest for Cultural Renewal", *International Journal Middle East Studies*, Vol. 34, 2002, hlm. 97.

⁸⁷ Mehmet Yasar Geyikdag, *Political Parties in Turkey*, hlm. 47.

⁸⁸ Stanford J. Shaw dan Ezel Kural Shaw, *History of The Ottoman Empire*, Vol. II, hlm. 387.

⁸⁹ Syafiq A. Mugnhi, *Sejarah Kebudayaan Islam Di Turki*, hlm. 150; Bernard Lewis, *The Emergence of Modern Turkey*, hlm. 3, 273-274.

⁹⁰ John L. Esposito, *Islam and Politics*, hlm. 96.

⁹¹ Nazim Irem, "Turkish Conservative Modernism", hlm. 97.

⁹² Mehmet Yasar Geyikdag, *Political Parties in Turkey*, hlm. 54.

Quran dan ajarannya, namun masyarakat Islam lebih gusar terhadap kemusnahan identiti agama berbanding kepentingan proses Turkanisasi Ataturk.

Larangan terhadap pemakaian secara Islam turut dikeluarkan kepada kakitangan kerajaan kecuali Badan Agama. Cadur diharamkan bagi wanita Islam. Sementara tarbus (*fez*), serban atau turban dihapuskan sama sekali, sebaliknya topi dijadikan pakaian rasmi kerajaan dan diwajibkan kepada setiap warga lelaki.⁹³ Pakaian yang dianjurkan Islam ini dianggap suatu jenayah bagi si pemakai sehingga boleh diberhentikan daripada perkhidmatan kerajaan. Masjid Santa Sophia pula dijadikan muzium.⁹⁴ Arak dibenarkan di kalangan masyarakat Islam sementara pembuatan dan penjualannya dimonopoli pihak kerajaan.⁹⁵

Kemuncak kepada program sekularisasi ini ialah apabila Perlembagaan Turki 1924 memansuhkan Artikel 2 yang menyatakan bahawa “Agama bagi negara Turki adalah Islam” dan dipinda dengan artikel lain dalam Perlembagaan 1937 menjelaskan Turki sebagai negara sekular secara rasmi.⁹⁶ Dengan ini, terhapuslah kepentingan Islam sebagai agama dan identiti rasmi negara manakala pembangunan Islam pula diletakkan di bawah kawalan penuh pihak kerajaan.

1.5.2 Pembaratan

Pembangunan dan proses modernisasi zaman Kemal Ataturk lebih menitikberatkan kepentingan kemajuan dalam pembangunan teknologi dan ekonomi yang berkiblatkan

⁹³ Bernard Lewis, *The Emergence of Modern Turkey*, hlm. 264.

⁹⁴ Akbar S. Ahmed, *Discovering Islam: Making Sense of Muslim History and Society*, (London: Routledge & Kegan Paul Ltd., 1988) hlm. 69.

⁹⁵ Stanford J. Shaw dan Ezel Kural Shaw, *History of The Ottoman Empire and Modern Turkey*, Vol. II, hlm. 385.

⁹⁶ Mehmet Yasar Geyikdagı, *Political Parties in Turkey*, hlm. 55.

Barat.⁹⁷ Walaupun program pembaharuan ini pernah dilaksanakan semasa era Tanzimat, Kemal cuba melaksanakannya secara menyeluruh agar Turki lebih dekat dengan peradaban Barat kerana bagi Kemal untuk maju Turki perlu menyertai Barat secara menyeluruh dalam semua aspek kehidupan.⁹⁸

Untuk mencapai proses pembaratan, institusi ketenteraan diperhebatkan dengan teknologi persenjataan dan latihan ketenteraan ala-Barat. Kemal tidak hanya melihat tentera sebagai elemen tunjang bagi kekuatan pertahanan negara, bahkan ia juga merupakan simbol asas bagi kekuasaan beliau, merangkap pemelihara bagi menjaga idealisme sekular dalam negara. Selain itu, beliau turut meletakkan pasukan tentera sebagai institusi teras bagi penyebaran reformasi politik dan sosial beliau.⁹⁹ Sebagai pemimpin negara, Kemal sentiasa memastikan bahawa anggota bersenjata dan pertahanan negara sentiasa bersedia dalam apa juga keadaan, samada ketika aman atau perang. Undang-undang bagi Penyelenggaraan Pertahanan Awam dikuatkuasa melalui Tribunal Bebas yang memberi kuasa secara diktator kepada kerajaan untuk menyekat atau menekan organisasi, cubaan atau apa juga bentuk penyebaran yang boleh mengundang penentangan dan pemberontakan. Tribunal Bebas ini berhak mewujudkan mahkamah yang boleh mengeluarkan keputusan muktamad walaupun tanpa persetujuan Perhimpunan Agung Kebangsaan.¹⁰⁰

Sistem Waktu Antarabangsa dan Kalender Gregorian diperkenalkan pada 26 November 1925 menggantikan Kalender Hijrah.¹⁰¹ Sistem metrik dan ukur yang seragam digunakan dalam transaksi perdagangan dan ekonomi. Kod Perundangan Sivil Turki

⁹⁷ Niyazi Berkes, *The Development of Secularism in Turkey*, hlm. 215-216.

⁹⁸ H. A. Mukti Ali, *Islam dan Sekularisme Di Turki Modern*, hlm. 14.

⁹⁹ Pauline Lim Meng Juak, "The Building of a Modern Turkish Civilization", hlm. 65.

¹⁰⁰ Lord Kinross, *Ataturk: The Rebirth of A Nation*, (London: Weidenfield & Nicolson, 1964) hlm. 454-455.

¹⁰¹ Bernard Lewis, *The Emergence of Modern Turkey*, hlm. 265.

diluluskan oleh Perhimpunan Agung Kebangsaan pada 17 Feb 1926 menggantikan sistem sivil dan syariah yang lama.¹⁰² Beberapa langkah penting dilakukan bagi memperjuangkan hak wanita seperti membenarkan wanita mengundi dan bertanding samada dalam pilihanraya maupun mewakili Perhimpunan Agung Kebangsaan.¹⁰³

Peristiwa yang tidak kurang pentingnya apabila menyentuh proses pembaratan dan pemodenan Turki ialah pengenalan kepada tulisan Latin Turki pada 1 November 1928 bagi menggantikan tulisan Arab, yang digunakan oleh masyarakat Turki sejak sekian lama. Setiap warga Turki juga diharuskan meletakkan nama keluarga berkuatkuasa 1 Januari 1935. Cuti mingguan hari Jumaat pula ditukarkan kepada hari Ahad.¹⁰⁴

Proses pembaratan Turki juga turut menerima sistem politik demokrasi yang menjadi elemen utama kebebasan politik individu dalam sebuah negara. Untuk itu, Kemal telah menubuhkan Parti Republik Rakyat (CHP) atau *Republican People's Party* (RPP) sebagai retorik terhadap amalan demokrasi. Sememangnya diakui oleh kebanyakan sarjana bahawa Kemal hanya memperakui sistem monopoli satu parti apabila CHP bertindak sebagai parti tunggal mewakili kerajaan dan pembangkang dalam parlimen negara sepanjang tempoh 1923 hingga 1945.¹⁰⁵ Walaupun begitu, terdapat usaha dilakukan oleh sekumpulan ahli CHP dan komander tentera Perang Pembelaan Turki, yang tidak menyenangi dasar sosial dan politik CHP termasuk Rauf Orbay, Kazim Karabekir dan Ali Fuat Cebesoy, bertindak keluar parti dan menubuhkan Parti Republik Progresif (*Terakiperver Cumhuriyet Firkası*).¹⁰⁶ Tidak lama kemudian, Parti Bebas ditubuhkan menjelang tahun 1930 oleh Fethi Okyar, iaitu kenalan rapat Ataturk. Namun

¹⁰² "Republik of Turkey: From 1923 to the Present", hlm. 2. <http://www.mfo.gov.tr/grupc/default.htm>.

¹⁰³ Desmond Stewart, *Turkey*, hlm. 76.

¹⁰⁴ H. A. Mukti Ali, *Islam dan Sekularisme Di Turki Modern*, hlm. 90.

¹⁰⁵ Frederick W. Frey, *The Turkish Political Elite*, (Cambridge: The Massachusetts Institute of Technology Press, 1965) hlm. 304-305.

¹⁰⁶ Walter F. Welker, *The Turkish Revolution 1960-1961*, (Washington: The Brookings Institution, 1963) hlm. 4.

kedua-dua parti tersebut diharamkan apabila dilihat cuba menghalang proses reformasi dan kemajuan yang lebih pesat serta anti Republik.¹⁰⁷

1.6 Kebangkitan Gerakan Kesedaran Islam

Perubahan yang berlaku dalam politik dan sosial Turki semasa pemerintahan Ataturk sememangnya tidak disenangi sebahagian besar masyarakat Islam, khususnya gerakan sufi dan tarikat serta golongan yang berkecimpung dalam arena politik Turki. Walau bagaimanapun, dasar liberal dan tolak ansur pengganti selepas kematian Ataturk iaitu, Ismet Inonu, telah membuka ruang yang lebih baik kepada perlaksanaan sistem pelbagai parti yang lebih demokratik.

Masyarakat Islam yang agak sensitif terhadap suasana di sekeliling mereka boleh dikategorikan kepada dua golongan. Sebahagiannya melibatkan diri dalam kumpulan sufi dan tariqat yang meliputi aktiviti agama, sosial dan kemasyarakatan. Manakala sebahagiannya pula terlibat secara langsung dengan dunia politik. Gerakan yang didukungi oleh Bediuzzaman Said Nursi (1876/7-1960) atau lebih dikenali sebagai Risalah an-Nur merupakan gerakan tariqat dan sufi Islam awal yang memberi reaksi penentangan terhadap pengabaian perlaksanaan syariah di Turki. Gerakan ini bukan sahaja memberi penekanan terhadap aspek rohani dan spiritual semata-mata, malah turut melibatkan diri secara aktif dalam pendidikan Islam dan pembangunan akademi masyarakat. Said Nursi sendiri merupakan seorang yang berpengetahuan tinggi dalam bidang akademik seperti sejarah, geografi, matematik, geologi, fizik, kimia, astronomi dan antropologi.¹⁰⁸

¹⁰⁷ "Republik of Turkey: From 1923 to the Present", hlm. 2. <http://www.mfo.gov.tr/grupc/default.htm>.

¹⁰⁸ Serif Mardin, *Religion and Social Change in Modern Turkey*, hlm. 75-77.

Said Nursi mula berkecimpung dalam politik ketika berada di Mardin.¹⁰⁹ Beliau telah bergabung dengan gerakan Turki Muda (CUP) dan menyeru kesatuan umat Islam untuk menyelamatkan Kerajaan Uthmaniyah yang semakin tenat ketika itu. Namun, setelah melihat kecenderungan Kemal Ataturk melaksanakan misi sekularismenya, Said Nursi meninggalkan politik lalu memberikan penumpuannya kepada penulisan Risalah an-Nur dan kegiatan pemulihan akhlak serta aqidah umat Islam.¹¹⁰ Walau bagaimanapun, gerakan ini turut memberi sumbangan yang besar terhadap perkembangan gerakan *Nurcu* kemudiannya yang dipimpin oleh Fethullah Gulen.¹¹¹ Gerakan *Nurcu* ini telah memainkan peranannya yang penting dalam pembinaan modernisasi dan pendidikan masyarakat Islam.¹¹² Idea, penulisan dan gerakan Said Nursi juga merupakan asas kepada kesedaran dan pembaharuan atau “*tajdid*” generasi masyarakat seterusnya yang mencerminkan dinamisme Islam sepanjang zaman.¹¹³

Walaupun begitu, peranan Said Nursi dan para pengikutnya dalam merelisasikan pemerintahan Islam tidak membawa perlaksanaannya ke atas politik. Sebaliknya, kemunculan Parti Demokrat pimpinan Celal Bayar dan Adnan Menderes yang memegang tampok pemerintahan dalam tahun 1950, telah mencorakkan beberapa keputusan yang membawa kesan terhadap perlaksanaan Islam dalam kehidupan harian di Turki.¹¹⁴ Parti Republik Rakyat (CHP) bukan sahaja bersetuju membenarkan pengajaran agama diajar di

¹⁰⁹ Sukran Vahide, “The Life and Times of Bediuzzaman Said Nursi”, *The Muslim World*, Vol. 89, No. 3-4, Julai-Okttober, 1999, hlm. 211.

¹¹⁰ H. A. Mukti Ali, *Islam dan Sekularisme Di Turki Modern*, hlm. 30. Mohamad Zaidin Mat, *Bediuzzaman Said Nursi: Sejarah Perjuangan dan Pemikiran*, (Shah Alam: Malita Jaya Sdn. Bhd., 2001) hlm. 64.

¹¹¹ Lihat M. Hakan Yavuz, “Toward An Islamic Liberalism? The Nurcu Movement and Fethullah Gulen”, *Middle East Journal*, Vol. 53, No. 4, Musim Luruh 1999, hlm. 584-605. Bulent Aras, Omer Caha, “Fethullah Gulen And His Liberal ‘Turkish Islam’ Movement”, *Middle East Review of International Affairs*, Vol. 4, No. 4, Disember 2000, hlm 1-14.

¹¹² M. Hakan Yavuz, “The Assassination of Collective Memory: The Case of Turkey”, *The Muslim World*, Vol. 89, Vo. 3-4, Julai-Okttober 1999, hlm. 194-195.

¹¹³ Hamid Algar, “The Centennial Renewer: Bediuzzaman Said Nursi and the Tradition of Tajdid”, *Journal of Islamic Studies*, Vol. 12, No. 3, September, 2001, hlm. 291-311. John Obert Voll, “Renewal and Reformation in the Mid-Twentieth Century: Bediuzzaman Said Nursi and Religion in the 1950s”, *The Muslim World*, Vol. 89, No. 3-4, Julai-Okttober, 1999, hlm. 245-259.

¹¹⁴ Alan R. Taylor, *The Islamic Question in Middle East Politics*, (London: Westview Press, 1988) hlm. 90.

sekolah-sekolah awam malahan mata pelajaran agama dijadikan mata pelajaran wajib kecuali sekiranya terdapat permintaan daripada ibubapa yang tidak mahu pelajaran tersebut diajar kepada anak mereka. Beberapa perubahan juga turut dilakukan termasuklah pembinaan madrasah dan masjid-masjid, penyiaran bacaan al-Quran ke udara melalui stesyen radio, membenarkan masyarakat Islam menunaikan Haji ke tanah suci Mekah, membenarkan pakaian secara Islam dan mengembalikan seruan azan berkumandang dalam Bahasa Arab.¹¹⁵ Gambaran di atas memperlihatkan bagaimana sentimen Islam cuba dihidupkan kembali dan diberi perhatian dalam kehidupan masyarakat di Turki walaupun terpaksa menggunakan pendekatan politik.

Walaupun kerajaan di bawah kepimpinan Parti Demokrat berakhir pada tahun 1960, usaha membenarkan Islam memainkan peranannya dalam negara tidak tamat begitu sahaja. Menjelang tahun 1970, Milli Nizam Partisi (MNP) ditubuhkan dan merupakan parti politik berasaskan Islam pertama semenjak Turki diisytiharkan sebagai sebuah republik.

1.7 Kesimpulan

Islam dan politik sentiasa menjadi tumpuan utama masyarakat dan pemerintah yang berperanan menentukan hala tuju peradaban Turki Moden. Setelah sekularisme didaulatkan sebagai tunjang perlombagaan negara, pemerintah Turki berusaha memusatkan segala bentuk pembangunan yang bermodelkan Barat bagi mengikis apa juga simbol tradisi yang membabitkan sejarah silamnya dengan Islam. Maka isu kedudukan Islam semakin menjadi persoalan di sebalik dasar demokrasi yang diamalkan. Walaupun terdapat pelbagai percubaan dilakukan untuk menyekat kebebasan agama dan

¹¹⁵ Desmond Stewart, *Turkey*, hlm. 107.

berpolitik rakyat tempatan, namun begitu, masyarakat Turki masih berpegang teguh kepada ajaran Islam. Pelbagai usaha dilakukan bagi memastikan Islam sebagai cara hidup yang syumul sentiasa mekar dalam kehidupan masyarakat. Ini termasuklah menggunakan pendekatan politik sebagai satu langkah yang praktikal bagi mencapai objektif dan sasaran perjuangan agar tradisi dan warisan Islam tidak pupus ditelan arus pemodenan zaman.